

## PERUBAHAN TINGKAH LAKU MASYARAKAT ARAB JAHILIYYAH KEPADA TINGKAH LAKU BERAGAMA

### *CHANGES IN ARAB JAHILIYYAH SOCIETY'S BEHAVIOR TO RELIGIOUS BEHAVIOR*

Nor Nazimi Mohd Mustaffa

Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,  
Sungai Besi, 53000 Kuala Lumpur, [nornazimi@upnm.edu.my](mailto:nornazimi@upnm.edu.my)

Artikel diterima:  
7 Feb 2020

Selepas Pembetulan:  
22 Jun 2020

Diterima untuk terbit:  
2 Julai 2020

#### Abstrak

Terdapat pelbagai penulisan yang terdiri daripada kitab sirah, kitab bersanad, buku dan artikel yang memperihalkan perubahan tingkah laku masyarakat Arab Jahiliyyah sebelum dan selepas zaman *Nubuwwah*. Namun begitu, persoalannya, apakah nilai utama yang menjadi titik tolak kepada perubahan tingkah laku masyarakat Arab selepas zaman *Nubuwwah* sehingga terbangunnya tingkah laku beragama dalam kehidupan seharian mereka. Oleh itu, kertas ini menganalisis tingkah laku masyarakat Arab sebelum dan selepas *Nubuwwah* bagi menunjukkan perubahan yang berlaku sehingga membentuk tingkah laku beragama. Kertas kerja ini menggunakan kaedah menganalisis dan mensintesis kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan perubahan tingkah laku masyarakat Arab Jahiliyyah kepada tingkah laku beragama. Hasil analisis menunjukkan bahawa tingkah laku masyarakat Arab sebelum *Nubuwwah*, adalah penyembahan berhala serta berpegang kepada prinsip penindasan dan kezaliman dalam pergaulan sesama manusia. Namun, selepas *Nubuwwah*, tingkah laku mereka berubah kepada tingkah laku beragama iaitu penyembahan Tuhan secara mutlak serta berpegang kepada prinsip keadilan dan persamaan dalam pergaulan sesama manusia. Kepentingan kajian adalah untuk menjelaskan nilai utama yang menjadi asas dalam pembangunan tingkah laku beragama. Kajian ini membantu masyarakat Islam serta ahli-ahli pembuat dasar dalam memahami perkara utama dalam pembangunan tingkah laku beragama yang kemudiannya dapat membantu mereka untuk membina sesebuah modul bagi kemajuan masyarakat pada masa kini.

#### Kata kunci

Agama; Keadilan; Nubuwwah; Persamaan; Tingkah laku beragama

**Abstract**

*There is a wide range of writings describing the changing behavior of the Arab community before and after the Nubuwwah period. However, the question is, what are the key values that underlie the changes in Arab society's behavior after the Nubuwwah period and the rise in religious behavior in their daily lives. Therefore, this paper analyzes the behavior of Arabs before and after the Nubuwwah to show the changes that have taken place in shaping religious behavior. This paper uses the method of analyzing and synthesizing previous studies related to the changing behavior of the Jahiliyah Arab community to religious behavior. The analysis shows that the behavior of the Arab people before the Nubuwwah, was idolatry, and held to the principles of oppression and cruelty in the society. However, after the Nubuwwah, their behavior changed to a religious act of absolute worship of God and held to the principles of justice and equality in human society. The importance of the study is to explain the key values that are fundamental to the development of religious behavior. This study helps the Muslim community as well as policy makers in understanding the key points in the development of religious behavior that can then help them to build a module for today's community development.*

**Keywords**

*Religion; Justice; Nubuwwah; Equality; Religious behavior*

**1. Pendahuluan**

Masyarakat Arab Jahiliyah adalah sebuah masyarakat yang tidak bertamadun kerana sifat bodoh dan sombong dimiliki. Kebodohan mereka jelas melalui tingkah laku mereka yang menyembah patung berhala yang dianggap sebagai Tuhan, penyembahan alam semulajadi yang dipercayai mempunyai semangat dan kuasa serta pergantungan kepada golongan *arrafa*. Malah sebilangan besar daripada mereka mempunyai pelbagai Tuhan yang disanjung dan disembah. Ditambah pula dengan kehidupan mereka yang hidup berpindah randah ke pelbagai tempat. dan sifat *asabiyah* yang berbangga dengan kabilah mereka sendiri. Hal ini telah menjadikan tingkah laku mereka terkeluar daripada norma dan nilai kemanusiaan yang sewajarnya dalam menjalani kehidupan seharian sebagai seorang manusia.

Pada permulaannya masyarakat Arab telah beriman dengan agama Nabi Ibrahim a.s dan Nabi Ismail a.s iaitu mengesakan Allah s.wt tetapi setelah berlalu masa yang lama mereka menjadi sesat lalu menyembah berhala yang dipahat dan diukir oleh tangan mereka sendiri. Mereka berpegang teguh dengan kepercayaan dan adat resam yang diwarisi dari nenek moyang yang diturunkan secara turun temurun dari satu generasi ke satu generasi. Sifat sombong yang dimiliki membuatkan mereka memiliki jiwa yang rendah serta bersifat kasar sehingga menjadikan mereka terus menerus berada dalam keadaan bersengketa antara satu sama lain.

Namun, selepas beberapa tempoh berlalu, tingkah laku masyarakat Arab telah berubah menjadi tingkah laku beragama. Tempoh tersebut adalah selepas Nabi Muhammad S.A.W diutus menjadi Rasul atau dikenali sebagai zaman *Nubuwwah*. Ini kerana, baginda membawa dan menyampaikan risalah Allah S.W.T yang telah

mengubah kepercayaan dan pemikiran masyarakat Arab Jahiliyah. Rentetan dari itu, tingkah laku mereka juga telah berubah kepada tingkah laku beragama baik dalam aspek tingkah laku yang berhubung dengan Tuhan mahupun dalam aspek tingkah laku yang berhubung dengan pergaulan sesama manusia.

## 2. Tingkah laku dalam hubungan dengan Tuhan

Sebelum *Nubuwwah*, kepercayaan masyarakat Arab melalui zaman kemerosotan sehingga menyebabkan mereka terjerumus dengan gejala pemujaan berhala. Konsep kepercayaan masyarakat Arab Jahiliyah hanya cenderung kepada kepercayaan wujudnya Tuhan semata-mata tetapi mereka tidak mengesakan Tuhan yang disembah. Hal ini dijelaskan melalui tingkah laku penyembahan patung berhala hasil ukiran tangan mereka sendiri (Watt 1988). Hal ini ditegaskan lagi oleh Ibn Kathir (t.th), yang mana beliau menyatakan bahawa masyarakat Arab Jahiliyah hanya mempercayai kewujudan Tuhan tanpa mengesakan Tuhan yang disembah. al-Mubarakfuri (2007) pula menjelaskan tujuan mereka menyembah berhala adalah untuk mendapatkan syafaat, meminta pertolongan dan memohon perlindungan. Oleh kerana itulah, mereka tunduk, rukuk dan sujud kepada berhala.

Amalan penyembahan dan pemujaan berhala ini dilakukan dengan cara memperuntukkan beberapa makanan dan minuman khusus serta hasil tanaman dan ternakan untuk dipersembahkan kepada berhala (al-Mubarakfuri 2007). Golongan penggembala dan petani pula mereka mengidentifikasikan Tuhan dengan sesuatu yang berada disekeliling mereka. Mereka mendakwa matahari, bulan dan bintang di langit sebagai Tuhan dan bersemayam pula pada batu-batu, pokok-pokok dan sebagainya. Mereka beranggapan kuasa ruh yang baik dan jahat pula berada di dunia dalam bentuk binatang-binatang. Para dukun pula, mendakwa mereka dapat berbicara mengenai alam ghaib (Ahmad Amin 1980). Kecenderungan mereka ini dijelaskan lagi melalui amalan merujuk dan berjumpa dengan tukang tilik atau ahli nujum tentang sesuatu perkara. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa keyakinan mereka terhadap Allah s.w.t adalah tidak mutlak kerana masih memerlukan kepada perantaraan.

Selepas *Nubuwwah* konsep tauhid diperkenalkan kepada masyarakat Arab Jahiliyah. konsep inilah yang menjadi teras dan tunjang kepada terbangunnya tingkah laku beragama mereka. Selepas segala kepalsuan dan khurafat syirik penyembahan berhala dibongkar oleh Rasulullah s.a.w, amalan dalam hubungan mereka dengan Tuhan telah bertukar kepada penyembahan Allah s.w.t secara mutlak. Segala amalan yang berkaitan dalam hubungan ini dilakukan berdasarkan ajaran agama yang disampaikan sendiri oleh baginda.

### 3. Tingkah laku dalam hubungan sesama manusia

Sebelum *Nubuwwah* Tingkah laku dalam aspek hubungan sesama manusia difahami sebagai aktiviti-aktiviti seharian seseorang dalam pergaulan sesama manusia. Aktiviti-aktiviti seharian seorang individu bukan hanya melibatkan aktiviti sosial sahaja tetapi juga merangkumi aktiviti ekonomi dan politik (Siti Norlina & Mohd Nasir Ripin t.th). Sebelum *Nubuwwah*, masyarakat Arab Jahiliyah diselubungi oleh unsur penindasan dan kezaliman yang melampau. Mereka bersikap sombong dan memiliki jiwa yang rendah serta bersifat kasar sehingga menjadikan mereka terus menerus berada dalam keadaan bersengketa antara satu sama lain.

Hal ini dijelaskan melalui amalan kehidupan sosial serta amalan ekonomi dan politik mereka. Dalam amalan sosial, mereka mempunyai susun lapis masyarakat yang mewujudkan jurang antara mereka (Abu Da'if 1983). Jawad (1970) juga menjelaskan bahawa masyarakat Arab Jahiliyah hidup berkabilah sehingga timbulnya perasaan *asabiyyah*. Kehidupan berkabilah telah mengawal sistem pentadbiran mereka. Perkara ini telah menyebabkan amalan kehidupan mereka yang suka berperang, melakukan kekerasan dan penindasan atas sebab menuntut bela dan bagi tujuan untuk mendapatkan kekuasaan. Hal ini juga telah menyebabkan penindasan dan kezaliman terhadap golongan bawahan, miskin, wanita dan kanak-kanak.

Amalan ekonomi mereka pula dipenuhi dengan penindasan dan kezaliman kerana mereka mengamalkan ekonomi bebas (Shalabi 1983 & Aziz 1996). Amalan riba dalam jual beli dan pinjam meminjam menjadi kebiasaan sehingga tidak wujud perasaan belas kasihan (al-Tobari 1980). Selain daripada memungut cukai daripada pedagang yang melalui kawasan mereka, sumber ekonomi juga diperoleh daripada sumber yang haram iaitu menjual patung berhala (Syalabi 2003). Dalam hal amalan politik pula, mereka tidak mempunyai sebarang perundangan dan peraturan yang stabil dan teratur. Kehidupan mereka bebas tanpa undang-undang yang mengawal sebarang kesalahan dan penyelewengan (Hasan 1979). Lebih malang lagi, mereka tidak mempunyai sistem yang mengatur pemindahan kekuasaan dan kepimpinan. Pemindahan kuasa kepimpinan dilakukan hanya berdasarkan tradisi mengikut kedudukan umur yang paling tua, orang yang paling kaya, orang yang paling ramai anggota keluarga atau yang paling layak mendapat kehormatan akan dipilih menjadi pemimpin dalam sesuatu kabilah (Hasan 1979).

Selepas *Nubuwwah*, aspek hubungan manusia sesama manusia turut mengalami perubahan yang ketara daripada kehidupan yang berteraskan prinsip Jahiliyah kepada prinsip tauhid. Prinsip ini mengajar manusia agar meletakkan Allah S.W.T sebagai keutamaan dalam setiap perkara yang dilakukan. Prinsip tauhid menekankan nilai-nilai kemanusiaan iaitu keadilan dan persamaan agar hubungan sesama manusia terpelihara dan hak setiap manusia dapat ditegakkan. Ini kerana, Islam merupakan sistem hidup bersifat *rabbani* yang menganjurkan kepada keadilan dan persamaan (Nazri et. al 2011).

Prinsip keadilan (*ʿadalah*) merupakan prinsip yang merangkumi semua jenis perhubungan yang berlaku dalam kehidupan manusia. Islam amat mementingkan prinsip keadilan dalam semua tingkah laku yang ingin dilakukan oleh seseorang. Melalui keadilan, kehidupan yang harmoni dapat diwujudkan dan masyarakat hidup dalam keadaan saling hormat menghormati. Prinsip ini dapat menghalang daripada sikap permusuhan dan menghilangkan perasan saling membenci dalam kalangan masyarakat. Dalam ajaran Islam prinsip keadilan merupakan cara untuk menutup jalan kemusnahan dalam kalangan masyarakat dan mengelakkan pencerobohan hak berlaku ke atas hak-hak yang telah ditetapkan (Monir 2005).

Prinsip persamaan sesama manusia diterapkan dalam kehidupan masyarakat Arab. Prinsip persamaan merupakan prinsip Islam yang meletakkan semua taraf manusia adalah sama. Menurut pandangan Islam manusia adalah sama dari sudut nilai kemanusiaan. Hanya ketaqwaan dan amal soleh yang membezakan kedudukan manusia di sisi Allah S.W.T. Islam telah menghapuskan sistem kabilah dalam masyarakat. Islam juga telah menghapuskan asas-asas yang digunakan oleh manusia untuk menonjolkan kelebihan sesuatu kaum berdasarkan bangsa dan keturunan (al-Haqil 1994).

Oleh itu, bentuk tingkah laku beragama dalam kalangan masyarakat Arab telah selari dengan prinsip tauhid dan juga nilai-nilai kemanusiaan yang sewajarnya. Kehidupan sosial, amalan ekonomi dan politik mereka telah berubah apabila prinsip keadilan dan persamaan menjadi teras dan pegangan dalam kehidupan. Dalam aspek sosial, prinsip persamaan telah menghapuskan amalan sistem kabilah dan susun lapis masyarakat yang tidak adil. Amalan penindasan telah dinafikan kerana semua manusia adalah sama di sisi Allah s.w.t dan hal ini telah membela golongan bawahan, miskin, wanita dan kanak-kanak.

Dari segi politik pula, sistem politik Islam diperkenalkan agar kebaikan bersama dapat diraih tanpa menyalahi usul agama (Khalaf 1984). Dalam hal pengurusan Negara, kerangka politik Islam telah diaplikasikan bagi mengurus tadbir Negara. Prinsip *Siyasah Ilahiyah wa Inabah Nabawiyah* S.A.W yang meletakkan Allah S.W.T adalah kuasa yang paling tinggi dan utama. Sistem perundangan yang diasaskan oleh Rasulullah S.A.W untuk menegakkan keadilan dan memberi kebaikan kepada semua umat manusia (Shatibiy 1997). Dalam aspek ekonomi, prinsip ini telah memperkenalkan sistem pengurusan ekonomi yang adil dan tidak menindas. Hal ini telah menjamin hak dan keselamatan ekonomi dan membela nasib setiap golongan. Sistem cukai Islam, amalan riba dihapuskan, jual beli bertukar kepada perkara yang dihalalkan dan sumber kewangan datang daripada hasil usaha sendiri seperti jual beli perkara yang dihalalkan (Hailani 1986).

Setelah meneliti situasi sebelum dan selepas *Nubuwwah*, jelaslah bahawa perubahan telah berlaku terhadap tingkah laku masyarakat Arab. Perubahan yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W dijelaskan oleh Ja'far bin Abi Talib ketika hijrah ke Habsyah. Semasa menghadap Raja Najasyi, beliau menceritakan perkara berkaitan dengan keadaan mereka semasa Jahiliyah yang mensyirikan Allah S.W.T, menyembah berhala, memakan bangkai melakukan dan keadaan selepas mereka diutus seorang rasul.

Semasa Jahiliyah mereka melakukan perbuatan keji, memutuskan silaturahmi, menindas golongan lemah dan sebagainya. Begitulah keadaan mereka sehinggalah Rasulullah S.A.W diutuskan (al-Mubarakfuri 2007, Ibn Hisham 1965, Ibn Kathir t.th & al-<sup>c</sup>Umari 1994).

Rasulullah SAW menyeru supaya mengesakan dan menyembah Allah S.W.T, meninggalkan apa yang kami dan nenek moyang kami sembah dahulu iaitu patung kayu dan batu. Baginda memerintahkan supaya berkata jujur, melaksanakan amanah, menyambung silaturahmi dan hubungan kekeluargaan, bertingkah laku baik kepada jiran tetangga, menjaga kehormatan dan menghentikan pertumpahan darah. Baginda melarang kami melakukan perbuatan keji, mengucap sumpah palsu, memakan harta anak yatim dan menuduh berzina kepada perempuan yang baik. Beliau juga menyebut perintah-perintah ajaran Islam yang lain seperti perintah solat, puasa dan lain-lain. Beliau menyambung lagi dengan mengatakan bahawa mereka beriman dan mematuhi perintah daripada Rasul (al-Mubarakfuri 2007, Ibn Hisham 1965, Ibn Kathir t.th & al-<sup>c</sup>Umari 1994)

Oleh itu, perubahan tingkah laku masyarakat Arab Jahiliyah kepada tingkah laku beragama berlaku dalam dua aspek iaitu tingkah laku yang berhubung dengan aspek ketuhanan dan tingkah laku yang berhubung dengan aspek hubungan sesama manusia. Sebelum *Nubuwwah*, mereka melakukan tingkah laku berdasarkan prinsip kepercayaan kepada berhala. Selepas *Nubuwwah*, Rasulullah S.A.W memperkenalkan prinsip tauhid yang meninggikan pemikiran masyarakat Arab Jahiliyah daripada pemikiran keberhalaan kepada pemikiran tauhid. Secara ringkasnya perubahan yang berlaku dapat dijelaskan seperti dalam jadual yang berikut:

| Tingkah laku dalam hubungan manusia dengan Tuhan | Sebelum   | selepas   |
|--|---|---|
| <b>Ciri ciri</b>                                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kepercayaan kepada semangat alam semulajadi</li> <li>▪ Tiada agama</li> </ul>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kepercayaan Tauhid.</li> <li>▪ Mengesakan Allah S.W.T.</li> <li>▪ Berpegang kepada rukun iman dan rukun Islam</li> </ul>   |
| <b>Contoh</b>                                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penyembahan berhala, patung dan batu</li> <li>▪ Tawaf mengelilingi berhala, tunduk dan sujud kepada berhala.</li> <li>▪ Memperuntukkan makanan dan minuman khas kepada berhala.</li> <li>▪ Mempersembah haiwan sembelihan terhadap berhala.</li> <li>▪ Mengidentifikasi tuhan dengan alam semulajadi.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ajaran tauhid disebarakan.</li> <li>▪ Peribadatan dilakukan semata-mata kerana Allah S.W.T.</li> <li>▪ Cara untuk melakukan peribadatan adalah menurut ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah S.A.W.</li> </ul> |

- Mengamalkan tilik nasib.
- Ucapan talbiyah dicampur dengan nama berhala.

| Tingkah laku dalam hubungan sesama manusia | Sebelum   | Selepas  |
|--|---|--|
| <b>Ciri-ciri</b>                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penindasan</li> <li>▪ Kezaliman</li> </ul>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Persamaan</li> <li>▪ Keadilan</li> </ul>  |
| <b>Contoh</b>                              | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sosial: wujud sistem kabilah dan perasaan kepuakan, tiada tempat untuk mendapat keadilan.</li> <li>▪ Ekonomi: wujud sistem riba, jual beli barangan haram, peras ugut dan jual beli secara penipuan.</li> <li>▪ Politik: tiada sistem perundangan yang teratur dan pemerintahan berbentuk anarki.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sosial: hak persamaan bagi setiap golongan, kewujudan sistem hukum syariah untuk mengawal keadaan sosial.</li> <li>▪ Ekonomi: kewujudan sistem pengurusan, zakat diwajibkan, pengharaman terhadap riba, jual beli tipu daya dan barang haram.</li> <li>▪ Politik: meletakkan Allah S.W.T kuasa paling tinggi, sistem pengurusan Negara yang teratur, kewujudan jawatan pentadbiran khas.</li> </ul> |

Berdasarkan perbincangan daripada keseluruhan kajian, maka nilai utama dalam pembangunan tingkah laku beragama yang dibawa oleh Rasulullah SAW adalah nilai ketuhanan dan kemanusiaan. Tauhid merupakan teras dalam nilai ketuhanan manakala keadilan dan persamaan pula adalah teras dalam nilai kemanusiaan. Kedua-dua inilah yang menjadi tunjang utama yang perlu dititikberatkan dan diberi fokus utama dalam pembangunan tingkah laku beragama yang kemudiannya dapat membantu untuk membina sesebuah modul pembangunan tingkah laku beragama bagi pembinaan masyarakat pada masa kini. Apa yang jelas, nilai-nilai inilah yang menjadi titik tolak kepada perubahan tingkah laku masyarakat Arab Jahiliyah sehingga berubah kepada tingkah laku beragama dalam setiap aspek kehidupan mereka dalam kehidupan seharian baik dari segi sosial, ekonomi dan politik.

Nilai ketuhanan menjadi tunjang dalam perubahan tingkah laku, yang mana meletakkan Allah SWT sebagai tujuan paling utama. Bertitik tolak dari nilai ketuhanan yang berteraskan tauhid kepada Allah SWT, sesebuah modul pembangunan tingkah laku

mampu melahirkan manusia yang mempunyai potensi sebagai insan dan bukan manusia semata-mata. Inilah nilai yang wajib ada dalam sesebuah modul atau metode pembangunan kerana apabila nilai ketuhanan diletakan yang paling utama manusia akan menjadi insan yang bertakwa kepada Allah SWT. Rentetan dari itu, setiap aspek kehidupan dapat dijalani dengan baik tanpa sebarang penindasan dan penzaliman terhadap sesama manusia.

#### 4. Kesimpulan

Kesimpulannya, ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W telah mengubah seluruh aspek kehidupan masyarakat Arab Jahiliyah. Perubahan yang telah dilakukan oleh baginda terhadap masyarakat Arab Jahiliyah adalah satu perubahan yang berbeza dengan kebiasaan kehidupan yang telah sebatikan dalam diri mereka. Risalah Islam yang dibawa oleh baginda telah berjaya mengeluarkan mereka daripada kegelapan Jahiliyah kepada cahaya kebenaran. Risalah Islam bukan sahaja mengubah kepercayaan tetapi telah menyempurnakan tradisi dan budaya masyarakat Arab Jahiliyah yang diamalkan oleh mereka sejak turun temurun. Perubahan yang berlaku dalam dua aspek kehidupan masyarakat Arab Jahiliyah iaitu dalam aspek kepercayaan dan juga aspek nilai-nilai kemanusiaan. Kepercayaan mereka telah berubah daripada kepercayaan keberhalaan dan mensyirikkan Allah S.W.T kepada kepercayaan mengesakan Allah S.W.T atau kepercayaan berasaskan ajaran tauhid.

Perkara ini telah membawa mereka kepada penyembahan Allah S.W.T secara mutlak iaitu tanpa ada sebarang perantaraan sebagaimana yang mereka lakukan ketika zaman Jahiliyah. Dalam aspek nilai kemanusiaan pula, perubahan berlaku dari segi prinsip kemanusiaan iaitu keadilan dan persamaan yang mana telah membawa kepada pelaksanaan nilai-nilai kemanusiaan yang sewajarnya. Ini kerana sebelum *Nubuwwah*, masyarakat Arab Jahiliyah diselubungi oleh sifat-sifat yang bertentangan dengan nilai kemanusiaan seperti zalim dan menindas sesama manusia. Risalah Tauhid yang dibawa oleh baginda telah mengubah seluruh struktur kehidupan masyarakat Arab. Risalah tersebut bukan hanya tertumpu kepada tingkah laku beragama dalam aspek peribadatan bahkan merangkumi tingkah laku beragama dalam aspek sosial, politik dan juga ekonomi. Perubahan-perubahan ini telah menjadikan tingkah laku beragama masyarakat Arab tidak terkeluar dari landasan ajaran agama Islam yang sewajarnya. Ini kerana, setiap tingkah laku beragama dikawal dengan hukum tertentu.

## Rujukan

- Abu Da'if, Mustafa Abu Da'if Ahmad. (1983). *Dirasat fi Tarikh al-°Arab*. t.pt:Muassasah Shabab al-Jami°ah Iskandariyah.
- Ahmad Amin. (1980). *Fajar Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Mohd Zain. (1996). Sasaran Dakwah Pada Masa Nabi Muhammad S.A.W: Kajian Khusus Tentang Keadaan Kemasyarakatan Orang Arab Jahiliyah. *Jurnal Usuludin* 4(5): 41-48.
- Boyatzis, R. E. (1998). *Transforming Qualitative Information: Thematic Analysis and Code Development*. Thousand Oaks: Sage.
- Hailani Muji Tahir. (1986). *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Institusi Kewangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Haqil, Sulayman Ibn °Abd al-Rahman. 1994. *Huquq al-Insan fi al-Islam wa al-Rad °ala al-Syubuhāt al-Mutharah Hawlaha*. Saudi Arabia: Matabi° al-Taqqiyyah li al-Ufset.
- Hasan, Ibrahim Hasan. (1979). *Sejarah Kebudayaan Islam*. Jakarta: Kalam Mulia.
- Ibn Hisham. (1965). *Sirah al-Nabiy*. Beirut: Dar al-Rihani.
- Ibn Kathir. (t.th). *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiah. Jil 2
- Jawad °Ali. (1970). *al-Mufassal fi al- °Arab Qabl al-Islam*. Beirut: Dar al-°lim li al-Malayin.
- Khalaf, °Abd al-Wahhab. (1984). *al-Siyasah al-Shar°iyyah aw Nizam al-Dawlah al-Islamiyyah fi al-Shu°un al-Dusturiyyah wa al-Kharijiyyah wa al-Maliyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Monir Yaacob. (1986). *Hak asasi manusia menurut Islam: Sejarah dan konsepnya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Mubarakfuri, safi al-Rahman al- Mubarakfuri. (2007). *Al-Rahiq al-Makhtum*. Qatar: Idarah Syu'un Islamiyyah.
- Nazri Muslim, Nik Yusri Musa & Ahmad Hidayat Buang. (2011). Hubungan Etnik Di Malaysia Dari Perspektif Islam. *Kajian Malaysia* 29(1): 1-28.
- Shalabi. (1983). *Mawsuah al-Tarikh al-Islami wa al-Hadarah al-Islamiyah*. Kaherah: t.pt.
- al-Shātibī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā al-Lakhmī al-Gharnāfī al-Mālikī. (1997). *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*. Beirut: Dār al-Ma'rīfah.
- Syalabi. (2003). *Sejarah Kebudayaan Islam*. Jakarta: Pustaka al-Husna baru.
- Siti Norlina Muhamad & Mohd Nasir Ripin. (t.th). *Pemupukan Akhlak Muslim Menurut Pandangan Ibn Miskawayh*. Johor: Universiti Teknologi Malayasia.

- at-Tobari, Abi Ja'far Muhammad Ibn Jarir al-Tabari. (1980). *Jami' al-Bayan fi al-Tafsir al-Quran*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-'Umari, Akram Diya' al-'Umumari. (1994). *Sirah Nabawiyah Sahihah*. Madinah: Maktabah 'Ulum wa al-Hikam.
- Watt, W. M. (1988). *Muhammad's Mecca: History in The Quran*. Edinburgh: Edinburgh University Press.